

# Pesakit buah pinggang semakin meningkat

SHEILA ZAIDI

**KUCHING:** Jumlah pesakit buah pinggang di negeri ini menunjukkan peningkatan yang agak membimbangkan dengan 250 kes baharu direkodkan setiap tahun.

Menyatakan hal ini, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak, Dato Sri Fatimah Abdullah, berkata berdasarkan rekod yang diterima daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak pada 2018, terdapat 3,317 pesakit buah pinggang direkodkan di negeri ini.

"Daripada jumlah tersebut, 2,920 pesakit sedang menjalani rawatan hemodialisis, 275 menjalani Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD) dan selebihnya menjalani pemindahan buah pinggang.

"46 peratus daripada pesakit ini mendapat rawatan hemodialisis di pusat rawatan kerajaan dengan 112 daripada 314 jumlah mesin hemodialisis yang terdapat di beberapa pusat rawatan ini berusia lebih lapan tahun dan perlu diganti dengan mesin baharu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas mengadakan lawatan ke Pusat Dialisis Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) - Persatuan Buah Pinggang Sarawak (KAS) Rotary semalam.

Beliau menggesa hospital dan klinik kerajaan di negeri ini supaya mengemukakan permohonan untuk mendapatkan mesin baharu yang termasuk dalam Bantuan Khas Pesakit Buah Pinggang.

Katanya, anggaran kos bagi pembe-

lian sebuah mesin hemodialisis adalah sebanyak RM42,000 dan peruntukan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menambahbaik perkhidmatan bagi rawatan buah pinggang di seluruh negara adalah terhad iaitu sebanyak RM6 juta setahun.

Justeru, katanya, Kerajaan Negeri menyediakan bantuan untuk menggantikan mesin haemodialisis yang sudah uzur atau membeli mesin baharu sebagai tambahan di pusat rawatan di bawah bantuan khas itu.

Kata Fatimah, pusat rawatan yang hendak memohon bantuan itu perlu mengemukakan justifikasi berkenaan dengan kelengkapan di tempat rawatan, keadaan mesin beserta laporan teknikal, bilangan pesakit yang mendapatkan rawatan, bilangan mesin yang diperlukan, lokasi penempatan dan menyatakan syor untuk sekurang-kurangnya tiga syarikat pembekal untuk pembelian mesin.

"Sebelum ini tiada bantuan khas bagi pesakit buah pinggang yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) hanya memberi bantuan am bulanan atau bantuan pesakit kronik terlantar berjumlah RM200 hingga RM300 sebulan.

"Namun, kita sedar bahawa jumlah tersebut tidak mencukupi untuk menampung kos rawatan bulanan pesakit buah pinggang dan dengan adanya bantuan khas ini, kita akan dapat meningkatkan kesejahteraan hidup pesakit di negeri ini dengan mengurangkan beban kos rawatan agar dapat menjalani kehidupan lebih selesa," katanya.